

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

YBP 324 – Komunikasi Dalam Organisasi

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Struktur organisasi dikatakan banyak mempengaruhi tingkahlaku komunikasi dalam organisasi. Salah satu dari komponen struktur organisasi ialah kompleksiti. Bincangkan komponen ini kemudian jelaskan bagaimana ia mempengaruhi aliran maklumat dalam organisasi.

(100 markah)

2. Komunikasi dianggap sebagai pelincir kelincinan perjalanan kegiatan organisasi. Namun demikian, komunikasi antara ahli organisasi tidak terlepas dari menghadapi masalah. Bincangkan masalah ini dari sudut Herutan Urutan dan Herutan Semantik dalam komunikasi informal organisasi. Berasaskan contoh-contoh yang jelas, apakah kesan masalah ini ke atas keberkesanan sesebuah organisasi serta cadangkan kaedah untuk mengatasinya.

(100 markah)

3. Kepimpinan dalam organisasi merujuk kepada caragaya atau stail bertindak seseorang itu dari aspek perkataan (seperti mengarah) atau perbuatan (seperti menunjuk cara). Bincangkan stail kepimpinan seorang pemimpin berasaskan andaian Teori X dan Teori Y McGregor (1967) dengan penekanan khusus terhadap implikasi komunikasi.

(100 markah)

4. Bincangkan Teori Kekayaan Media oleh Daft dan Lengel (1986). Berasaskan teori tersebut, nilaiakan keberkesanan komunikasi berbantu komputer dalam kegiatan sesebuah organisasi.

(100 markah)

-000Oooo